



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
DAN PRESTASI KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENDAHULUAN	vii
Pengenalan	xi
PENYATA KEWANGAN	
1. PENDAHULUAN	3
2. PENYERAHAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN	3
2.1 Persijilan Penyata Kewangan	5
2.2 Pembentangan Penyata Kewangan Di Parlimen	7
3. PRESTASI KEWANGAN	8
3.1 Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	8
3.1.1 Analisis Pendapatan	9
3.1.2 Geran Mengurus	12
3.1.3 Pendapatan Janaan Sendiri	15
3.1.4 Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	15
3.1.5 Analisis Kumpulan Wang Terkumpul	18
3.1.6 Analisis Aset	21
3.1.7 Analisis Liabiliti	25
3.1.8 Analisis Tanggungan Luar Jangka	27
3.2 Prestasi Penggunaan Geran Pembangunan	28
3.3 Prestasi Syarikat Subsidiari	30
3.4 Rumusan	
PENUTUP	35
LAMPIRAN A	
SENARAI KEMENTERIAN, BADAN BERKANUN DAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN	39

KATA PENDAHULUAN

1. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera Penyata Kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Selaras dengan peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
2. Mulai tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah menyediakan Laporan Badan Berkanun Persekutuan secara berasingan iaitu Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan serta Laporan Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan adalah untuk melaporkan kedudukan terkini mengenai penyerahan dan pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2009. Laporan ini hanya dapat disediakan selepas semua Badan Berkanun Persekutuan menyerahkan Penyata Kewangannya untuk diaudit dan juga selepas Sijil Audit dikeluarkan.
3. Pada tahun 2010, sebanyak 127 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan termasuk Kumpulan Wang bagi tahun kewangan 2009 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Sijil Tanpa Teguran telah dikeluarkan kepada kesemua 127 penyata kewangan tahun 2009. Bagaimanapun, sebanyak 4 penyata kewangan telah diberikan Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

13 Oktober 2010

PENGENALAN

1. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Badan Berkanun Persekutuan adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun Persekutuan merupakan badan atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

2. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang memperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act* 1969 (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh membuat pinjaman, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, kumpulan wang, akaun amanah dan melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala sebahagian lagi membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.

3. Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan piawaian perakaunan yang diterima umum. Badan Berkanun Persekutuan adalah tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan sebarang pekeling kerajaan kecuali yang khusus berkaitannya. Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan disediakan berdasarkan asas akruan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember kecuali satu Badan Berkanun Persekutuan yang berakhir pada 30 Jun. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta

yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktiviti kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen dengan segera.

4. Sehingga bulan September 2010, sebanyak 117 Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga mengaudit 12 Kumpulan Wang Persekutuan. Senarai Badan Berkanun dan Kumpulan Wang Persekutuan adalah seperti di **Lampiran A**.

PENYATA KEWANGAN

1. PENDAHULUAN

1.1 Pada tahun 2010, sebanyak 117 Badan Berkanun Persekutuan perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Selain itu, Ketua Audit Negara juga mengaudit 12 Kumpulan Wang. Pada bulan Ogos 1999, Jemaah Menteri telah memberi pengecualian kepada Perbadanan Padang Golf Subang daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktiviti bagi tahun 1968 hingga 1999. Perbadanan dinasihat memohon pengecualian Jemaah Menteri daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktiviti bagi tahun 2000 hingga 2009. Setakat 30 September 2010, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Audit terhadap 127 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2009 manakala satu penyata kewangan sedang diaudit.

1.2 Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara mengaudit 22 daripada 128 penyata kewangan tahun 2009 manakala baki 106 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.3 Jabatan Audit Negara telah menerima pakai Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 dengan mematuhi Prosedur Kualiti dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi memastikan pengauditan dilaksanakan dengan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam Prosedur Kualiti dan Garis Panduan tersebut adalah panduan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, pemantauan terhadap pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta, proses semakan semula kertas kerja dan penyediaan Sijil Ketua Audit Negara.

2. PENYERAHAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 bagi menggantikan Pekeliling

Perbendaharaan Bilangan 15 Tahun 1994 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan penyata kewangan pada tahun yang sama. Selaras dengan pekeling ini, Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan disahkan dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh penerimaan penyata kewangan tersebut.

Sebanyak 117 penyata kewangan telah diterima sebelum 30 April 2010 manakala 10 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 Jun 2010. Bagaimanapun, satu Badan Berkanun Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2010. Badan Berkanun Persekutuan berkenaan telah memohon lanjutan masa dan Kementerian Kewangan telah meluluskan berdasarkan alasan yang diberi kecuali Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang yang belum memohon lanjutan masa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG LEWAT MENGEMUKAKAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2009

NAMA AGENSI	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	SEBAB KELEWATAN
Yayasan Tun Razak	03.05.2010	3	Lembaga Pengarah tidak dapat bermesyuarat sebelum 30 April serta perlu mendapatkan maklumat peruntukan cukai yang perlu dibayar daripada firma konsultan yang dilantik.
Perbadanan Aset Keretapi	10.05.2010	10	Masalah pelarasan data daripada Sistem Daftar Aset Tetap dengan Sistem SAGA yang menyebabkan sebahagian besar aset tidak direkodkan dalam penyata kewangan.
Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	14.05.2010	14	Pertukaran sistem manual kepada sistem berkomputer.
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	14.05.2010	14	Kegagalan menutup akaun bagi bulan Julai hingga Disember 2009.
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	18.05.2010	18	Kelewatan menyatukan penyata kewangan dengan syarikat subsidiari berikutan subsidiari lewat mengemukakan penyata kewangan yang diaudit.
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	21.05.2010	21	Kelewatan menyatukan penyata kewangan dengan syarikat subsidiari berikutan subsidiari lewat mengemukakan penyata kewangan yang diaudit.
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	24.05.2010	24	Tidak tertakluk kepada Akta 240 bagi penyediaan penyata kewangan.
Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru	31.05.2010	31	Kelewatan menerima kadar dividen daripada Unit Aktuari, Kementerian Kewangan.
Lembaga Pelabuhan Johor	01.06.2010	32	Masalah Sistem SAGA untuk menyediakan penyata kewangan.
Lembaga Pelabuhan Tanjung Pelepas	01.06.2010	32	Masalah Sistem SAGA untuk menyediakan penyata kewangan.
Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang	21.09.2010	144	Kekurangan pegawai untuk menyediakan penyata kewangan dan mengambil khidmat firma akauntan awam untuk menyiapkan penyata kewangan.

2.1 PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

2.1.1 Berdasarkan pengauditan terhadap 127 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2009, kesemua 127 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran. Kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara berdasarkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2
KEDUDUKAN JENIS SIJIL YANG DIKELUARKAN
BAGI PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

JENIS SIJIL	TAHUN		
	2007	2008	2009
Tanpa Teguran	116	128	127
Berteguran	6	1	-
JUMLAH	122	129	127

2.1.2 Selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan, Ketua Audit Negara mengeluarkan 4 jenis sijil seperti berikut:

- a. Sijil Tanpa Teguran apabila penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama;
- b. Sijil Berteguran apabila kesan sebarang perbezaan pendapat dengan pengurusan atau kekangan terhadap skop adalah tidak begitu material dan menyeluruh untuk mengeluarkan sijil *adverse* ataupun *disclaimer*;
- c. Sijil *Adverse* apabila kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh terhadap penyata kewangan, mewujudkan kekeliruan ataupun ketidaksempurnaan penyata kewangan dan seterusnya tidak memberi gambaran benar dan saksama; dan
- d. Sijil *Disclaimer* apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan terhadap skop adalah material dan menyeluruh menyebabkan bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan.

2.1.3 Bagaimanapun, terdapat 4 Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* telah dikeluarkan bagi penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang, Yayasan Pelajaran MARA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Perbadanan Aset Keretapi. Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara terhadap 4 penyata kewangan tersebut antaranya menyentuh perkara berikut:

a. Kedudukan Kewangan

Badan Berkanun Persekutuan hendaklah memastikan penyata kewangan yang disediakan mematuhi konsep usaha berterusan seperti mana yang telah ditetapkan oleh piawaian perakaunan yang diterima umum. Konsep usaha berterusan mengandaikan realisasi aset dan penyelesaian tanggungan dalam situasi biasa sesuatu perniagaan. Laporan mengenai *Emphasis of Matter* adalah seperti berikut:

- i. Kedudukan kecairan Lembaga Pelabuan Kelang pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 adalah berjumlah RM221.73 juta manakala kerugian bersih ialah RM180.07 juta. Berdasarkan kepada kerugian semasa, Lembaga Pelabuan Kelang tidak berupaya untuk memenuhi liabiliti jangka panjang yang berjumlah RM3.66 bilion yang perlu dibayar semenjak tahun 2007. Keupayaan Lembaga Pelabuan Kelang mengekalkan konsep usaha berterusan ini bergantung kepada sokongan kewangan dari Kementerian Kewangan.
- ii. Laporan juruaudit terhadap syarikat subsidiari Yayasan Pelajaran MARA iaitu YPM Realities Sdn. Berhad menyatakan penyata kewangan syarikat subsidiari tersebut yang disediakan mengikut konsep usaha berterusan adalah tidak sesuai kerana keupayaan syarikat untuk terus berdaya maju bergantung kepada sokongan daripada Yayasan Pelajaran MARA. Syarikat subsidiari tersebut juga mempunyai kekurangan modal berjumlah RM1.88 juta pada 31 Disember 2009.

b. Pelaburan Oleh Badan Berkanun

Objektif utama pelaburan oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah untuk mendapatkan pulangan yang optimum bagi tempoh tertentu serta menjana pendapatan kepada agensi berkenaan. Perkara yang dilaporkan adalah seperti berikut:

i. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Antara pelaburan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia adalah pegangan ekuiti sejumlah RM10.80 juta atau 40% di dalam syarikat bersekutu iaitu Malaysian International Tuna Port Sdn. Berhad (MITP). Pada tahun 2007, MITP telah memeterai perjanjian kemudahan Bai' Bithaman Ajil Islamic Securities (BAIS) dengan OSK Trustees Berhad bagi satu kemudahan pembiayaan berjumlah RM240 juta. Liabiliti kewangan sebenar MITP kepada OSK Trustees Berhad adalah berjumlah RM409.45 juta termasuk keuntungan dan kemudahan pembiayaan.

Bagaimanapun, MITP telah gagal membuat pembayaran keuntungan kelima dan OSK Trustees Berhad telah mengisytihar *event of default* terhadap MITP pada 23 Disember 2009. Baki terakhir liabiliti MITP kepada OSK Trustees Berhad adalah berjumlah RM208.62 juta. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah membuat peruntukan rosot nilai sepenuhnya terhadap pelaburan dalam MITP pada tahun kewangan 2009. Sehingga kini, tanggungan lain Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tidak dapat ditentukan kerana perkara ini masih dalam proses perundangan.

ii. Perbadanan Aset Keretapi

Pada tahun 1993 hingga 1996, tanah Perbadanan Aset Keretapi yang bernilai RM335.32 juta mengikut penilaian pada tahun 1995 telah dipindahkan kepada pihak ketiga tanpa pengetahuan Perbadanan Aset Keretapi. Perkara ini adalah disebabkan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah menandatangani perjanjian bagi 5 projek usaha sama dengan pihak swasta untuk membangunkan projek hartanah bernilai RM8.51 bilion di atas tanah milik Perbadanan Aset Keretapi. KTMB telah menerima faedah berjumlah RM915.99 juta dalam bentuk tunai dan bukan tunai. Bagaimanapun, Perbadanan Aset Keretapi tidak menerima sebarang faedah daripada projek usaha sama ini. Perbadanan Aset Keretapi melalui panel peguam yang telah dilantik akan menyelesaikan isu *Novation Agreement* yang melibatkan kepentingan dan pembahagian hasil dalam bentuk tunai serta bukan tunai dalam tempoh 6 bulan mulai bulan Ogos 2010.

2.2 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera. Setakat bulan September 2010, kebanyakan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan Tahun 2009 Badan Berkanun Persekutuan yang telah diaudit sedang dalam proses pembentangan di Parlimen. Jabatan Audit Negara akan memantau status pembentangan penyata kewangan di Parlimen. Sehingga 30 September 2010, sebanyak 2 Badan Berkanun Persekutuan masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 2008 sungguhpun Sijil Audit telah dikeluarkan pada tahun 2009.

3. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan syarikat subsidiari dilaporkan seperti berikut:

3.1 PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah berdasarkan penyata kewangan 115 Badan Berkanun Persekutuan tahun 2009. Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilapor mengikut Kementerian berdasarkan analisis pendapatan, prestasi pemberian geran, pendapatan janaan sendiri, lebihan/(kurangan) pendapatan, kumpulan wang terkumpul, aset dan liabiliti serta tanggungan luar jangka. Di samping itu, prestasi 133 syarikat subsidiari milik 43 Badan Berkanun Persekutuan turut dilaporkan. Perubahan angka perbandingan juga telah dibuat untuk mengambil kira pelarasan tahun lepas oleh Badan Berkanun Persekutuan yang berkaitan. Analisis Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2009 adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 3
ANALISIS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2009

KEMENTERIAN	BILANGAN BBP
Belia dan Sukan	2
Jabatan Perdana Menteri	9
Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	7
Kerja Raya	2
Kesihatan Malaysia	1
Kewangan	12
Pelajaran	3
Pelancongan	1
Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	5
Pengajian Tinggi	23
Pengangkutan	11
Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	4
Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	4
Pertahanan	4
Pertanian Dan Industri Asas Tani	8
Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1
Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8
Sains, Teknologi dan Inovasi	1
Sumber Asli dan Alam Sekitar	3
Sumber Manusia	2
Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	1
Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	2
JUMLAH	115

3.1.1 Analisis Pendapatan


3.1.1.1 Pada tahun 2009, pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM67.73 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM7.64 bilion atau 12.7% berbanding RM60.09 bilion pada tahun 2008 iaitu jumlah yang telah dinyatakan semula dengan mengambil kira pendapatan geran. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM52.45 bilion atau 77.4% berbanding geran mengurus sejumlah RM15.28 bilion atau 22.6%. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kategori pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 1
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KATEGORI PADA TAHUN 2008 DAN 2009



3.1.1.2 Pada tahun 2009, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh pendapatan tertinggi sejumlah RM37.82 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM11.38 bilion, Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM6.72 bilion dan Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM2.93 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain merangkumi RM8.88 bilion daripada jumlah keseluruhan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2009. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2008 DAN 2009




3.1.1.3 Peningkatan pendapatan yang diperoleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM6.04 bilion atau 19% manakala Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi memperoleh peningkatan sejumlah RM1.44 bilion atau 14.5%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri turut mengalami peningkatan sejumlah RM0.95 bilion. Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia turut mencatatkan peningkatan pendapatan sejumlah RM0.67 bilion atau 29.6%. Bagaimanapun, Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mengalami penurunan pendapatan sejumlah RM1.46 bilion atau 14.1%.

3.1.2 Geran Mengurus

3.1.2.1 Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.

3.1.2.2 Pada tahun 2009, geran mengurus yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM15.28 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM3.97 bilion atau 35.1% berbanding RM11.31 bilion pada tahun 2008. Pada keseluruhannya, penerimaan geran mengurus oleh Badan Berkanun Persekutuan tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM8.25 bilion. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah berjumlah RM3.13 bilion, Kementerian Kewangan RM1.17 bilion dan seterusnya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani sejumlah RM0.72 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain menerima geran mengurus sejumlah RM2.01 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

CARTA 3
GERAN MENGRUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2008 DAN 2009



3.1.2.3 Berdasarkan carta 3, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus tertinggi sejumlah RM1.56 bilion atau 23.3% yang meliputi sebanyak 39.3% daripada jumlah peningkatan keseluruhan penerimaan geran mengurus pada tahun 2009. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani serta kementerian lain mencatatkan peningkatan sejumlah RM2.41 bilion atau 60.7%.

3.1.2.4 Analisis mendapati Majlis Amanah Rakyat merupakan penerima geran mengurus tertinggi sejumlah RM2.83 bilion pada tahun 2009. Ini diikuti oleh Universiti Teknologi Mara sejumlah RM1.73 bilion, Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM1.17 bilion dan Universiti Kebangsaan Malaysia sejumlah RM1.14 bilion.

3.1.2.5 Badan Berkanun Persekutuan yang menerima tambahan geran mengurus tertinggi pada tahun 2009 adalah Majlis Amanah Rakyat sejumlah RM1.97 bilion, diikuti oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

sejumlah RM594.47 juta dan Universiti Kebangsaan Malaysia sejumlah RM335.69 juta.

3.1.2.6 Pada tahun 2009, terdapat beberapa Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Kementerian Belia Dan Sukan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri serta Kementerian Kesihatan yang menerima geran mengurus dengan peratusan yang lebih rendah berbanding tahun lepas.

3.1.2.7 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelajaran menerima geran mengurus sejumlah RM95.29 juta berbanding RM97.49 juta pada tahun 2008 dengan penurunan sejumlah RM2.20 juta atau 2.3%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar menerima geran mengurus sejumlah RM47.21 juta berbanding RM71.36 juta pada tahun 2008 dengan penurunan sejumlah RM24.15 juta atau 33.8%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia Dan Sukan pula menerima geran mengurus sejumlah RM53.77 juta berbanding RM81.38 juta pada tahun 2008 dengan penurunan sejumlah RM27.61 juta atau 33.9%.

3.1.2.8 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri telah menerima geran mengurus sejumlah RM348.29 juta pada tahun 2009 berbanding RM352.23 juta pada tahun 2008. Penurunan ini adalah sejumlah RM3.94 juta atau 1.1%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan pula telah menerima geran mengurus sejumlah RM6.50 juta dengan penurunan sejumlah RM1.50 juta atau 18.8% berbanding RM8 juta pada tahun 2008.


3.1.2.9 Seperti pada tahun 2008, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya tidak menerima sebarang geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2009.

3.1.2.10 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan, sebanyak 75 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 22.6% daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan. Sebanyak 40 Badan Berkanun Persekutuan yang lain tidak menerima geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2009.

3.1.3 Pendapatan Janaan Sendiri

3.1.3.1 Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperoleh daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurus dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian serta jualan produk dan perkhidmatan. Carta berikut menunjukkan pendapatan janaan sendiri oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2008 dan 2009.

CARTA 4
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2008 DAN 2009



3.1.3.2 Pada tahun 2009, pendapatan janaan sendiri berjumlah RM52.45 bilion dengan peningkatan sejumlah RM3.67 bilion atau 7.5% berbanding RM48.78 bilion pada tahun 2008. Penyumbang pendapatan janaan sendiri tertinggi adalah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang menjana sejumlah RM36.65 bilion pada tahun 2009 iaitu merangkumi 69.9% daripada jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM6.56 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM3.13 bilion dan Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM2.91

bilion. Jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain adalah sejumlah RM3.20 bilion.

3.1.3.3 Pada tahun 2009, sebanyak 6 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh pendapatan janaan sendiri melebihi RM1 bilion iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM20.41 bilion, Bank Negara Malaysia berjumlah RM9.83 bilion, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM4.33 bilion, Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM2.90 bilion, Bank Simpanan Nasional berjumlah RM2.24 bilion dan Lembaga Tabung Haji berjumlah RM1.75 bilion.

3.1.4 Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan


3.1.4.1 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM35.59 bilion pada tahun 2009 iaitu peningkatan sejumlah RM8.55 bilion atau 31.6% berbanding RM27.04 bilion pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2009, sebanyak 94 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM36.16 bilion berbanding 91 Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM28.06 bilion pada tahun 2008. Sebanyak 21 Badan Berkanun Persekutuan mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM565.57 juta berbanding 24 Badan Berkanun Persekutuan dengan kurangan pendapatan sejumlah RM1.02 bilion pada tahun 2008. Jadual berikut menunjukkan prestasi lebihan/(kurangan) pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2008 dan 2009.

JADUAL 4
PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2008 DAN 2009

TAHUN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)
2008	91	28,056.14	24	(1,015.29)	115	27,040.85
2009	94	36,158.80	21	(565.57)	115	35,593.23
VARIANS		8,102.66		449.72		8,552.38

3.1.4.2 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh lebihan pendapatan tertinggi sejumlah RM28.95 bilion atau 81.3% daripada jumlah keseluruhan lebihan pendapatan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM3.01 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM1.48 bilion dan Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM1.31 bilion. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 5
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2008 DAN 2009



3.1.4.3 Analisis selanjutnya mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan peningkatan lebih pendapatan paling ketara sejumlah RM6.37 bilion menjadi RM28.95 bilion berbanding RM22.58 bilion pada tahun 2008. Ini disebabkan oleh peningkatan lebih pendapatan 9 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian tersebut. Antaranya, peningkatan lebih pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejumlah RM5.06 bilion menjadi RM19.63 bilion, Bank Negara Malaysia sejumlah RM1.16 bilion menjadi RM7.67 bilion, Bank Simpanan Malaysia sejumlah RM178.31 juta menjadi RM346.56 juta, Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM48.73 juta menjadi RM58.95 juta, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sejumlah RM30.52 juta menjadi RM94.54 juta, Lembaga Totalisator Malaysia sejumlah RM1.72 juta menjadi RM2.83 juta dan Yayasan Tun Razak sejumlah RM0.08 juta menjadi RM1.10 juta pada tahun 2009. Selain itu, Lembaga Pembangunan Langkawi telah mencatatkan lebih pendapatan sejumlah RM14.82 juta pada tahun 2009 berbanding kurangan pendapatan berjumlah RM2.02 juta pada tahun 2008.

3.1.4.4 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertahanan mengalami pengurangan lebih pendapatan dengan ketara berjumlah RM65.86 juta atau 12.2% iaitu daripada RM538.26 juta pada tahun 2008 menjadi RM472.40 juta pada tahun 2009. Ini berikutan pengurangan lebih pendapatan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera sejumlah RM65.03 juta menjadi RM460.87 juta pada tahun 2009 berbanding sejumlah RM525.90 juta pada tahun 2008. Selain itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi mengalami pengurangan pendapatan yang signifikan iaitu kurangan pendapatan berjumlah RM309.38 juta berbanding lebih pendapatan berjumlah RM196.45 juta pada tahun 2008. Perbadanan Aset Keretapi di bawah Kementerian Pengangkutan juga mengalami kurangan pendapatan berjumlah RM9.45 juta pada tahun 2009 berbanding lebih pendapatan berjumlah RM126.63 juta pada tahun 2008.


3.1.4.5 Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2009 adalah baik dengan peningkatan pendapatan sejumlah RM7.64 bilion atau 12.7% menjadi RM67.73 bilion berbanding RM60.09 bilion pada tahun 2008. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan penerimaan geran mengurus sejumlah RM3.97 bilion atau 35.1% berbanding geran mengurus yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2008. Bilangan Badan Berkanun Persekutuan yang mengalami kerugian berkurangan kepada 21 berbanding 24 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2008.

3.1.5 Analisis Kumpulan Wang Terkumpul

3.1.5.1 Kumpulan Wang Terkumpul Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2009 adalah berjumlah RM204.76 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM37.16 bilion atau 22.2% berbanding RM167.60 bilion pada tahun 2008. Kumpulan wang terkumpul ini terdiri daripada modal berbayar, rizab am, lebihan/(kurangan) pendapatan semasa dan yang dibawa dari tahun sebelumnya. Ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.


3.1.5.2 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai kumpulan wang yang tertinggi berjumlah RM75.24 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM38.65 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM27.02 bilion dan Kementerian Pengangkutan berjumlah RM24.32 bilion. Carta berikut menunjukkan kedudukan kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan yang tertinggi mengikut kementerian pada tahun 2009 berbanding tahun 2008.

CARTA 6
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG TERTINGGI
MENGIKUT KEMENTERIAN
PADA TAHUN 2008 DAN 2009



3.1.5.3 Analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mencatatkan peningkatan Kumpulan Wang Terkumpul yang ketara sejumlah RM36.17 juta atau 671.1% menjadi RM41.56 juta, diikuti oleh Kementerian Pelancongan sejumlah RM113.12 juta atau 256% menjadi RM68.93 juta berbanding defisit sejumlah RM44.19 juta pada tahun 2008 dan Kementerian Kewangan sejumlah RM23.52 bilion atau 45.5% menjadi RM75.24 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

CARTA 7
KEDUDUKAN PENINGKATAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN




3.1.5.4 Peningkatan Kumpulan Wang Terkumpul di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan disumbangkan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam iaitu sejumlah RM36.17 juta atau 671.1% menjadi RM41.56 juta berbanding sejumlah RM5.39 juta pada tahun 2008.

3.1.5.5 Bank Negara Malaysia merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang mengalami peningkatan Kumpulan Wang Terkumpul yang tertinggi iaitu sejumlah RM16.34 bilion menjadi RM48.09 bilion berbanding RM31.75 bilion pada tahun 2008.

3.1.5.6 Analisis menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertahanan mencatat penurunan Kumpulan Wang Terkumpul yang ketara sejumlah RM109.11 juta atau 8.7% menjadi RM1.15 bilion berbanding RM1.26 bilion pada tahun 2008 diikuti oleh Kementerian Perusahaan, Perlindungan Dan Komoditi sejumlah RM256.50 juta atau 8.5% menjadi RM2.76 bilion dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat sejumlah RM7.87 juta atau 5.7% menjadi RM130.31 juta. Butiran adalah seperti di carta berikut:

CARTA 8
KEDUDUKAN PENURUNAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN



3.1.5.7 Analisis antara Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar mencatatkan penurunan Kumpulan Wang Terkumpul paling ketara sejumlah RM101.66 juta atau 39.9% menjadi RM152.92 juta berbanding RM254.58 juta pada tahun 2008. Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Timah pula mencatatkan penurunan sejumlah RM0.66 juta menjadi RM2.71 juta.


3.1.5.8 Sehingga 31 Disember 2009, Kumpulan Wang Terkumpul bagi Lembaga Lebuhraya Malaysia masih mengalami defisit sejak tahun 2005 iaitu berjumlah RM95.58 juta. Lembaga Lebuhraya Malaysia perlu mengambil langkah bagi meningkatkan prestasi kewangan supaya tidak menjejaskan usaha berterusan. Bagaimanapun, prestasi Kumpulan Wang Terkumpul Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah meningkat pada tahun 2009 menjadi RM68.93 juta berbanding defisit sejumlah RM44.19 juta pada tahun 2008

3.1.6 Analisis Aset

3.1.6.1 Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset semasa dan bukan semasa yang terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu, penghutang, pelaburan jangka pendek, simpanan tetap dan tunai.

3.1.6.2 Pada tahun 2009, aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM81.80 bilion atau 8.4% menjadi RM1,053.98 bilion berbanding RM972.18 bilion pada tahun 2008. Kedudukan aset Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian ditunjukkan di carta berikut:

CARTA 9
PERATUSAN ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN




3.1.6.3 Berdasarkan carta 9, aset Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan merupakan 82.8% daripada aset Badan Berkanun Persekutuan yang berjumlah RM872.20 bilion diikuti oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak 4.7% yang berjumlah RM49.39 bilion. Nilai aset tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM375.46 bilion diikuti oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM362.98 bilion.

3.1.6.4 Analisis antara kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mencatat peningkatan jumlah aset yang ketara melebihi 100% yang berjumlah RM34.25 juta menjadi RM48.34 juta berbanding RM14.09 juta pada tahun 2008. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan mencatatkan peningkatan aset berjumlah RM48.39 juta atau 49.4% menjadi RM146.43 juta dan diikuti oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri sejumlah RM155.93 juta atau 27.1% menjadi RM730.63 juta.

3.1.6.5 Aset utama Badan Berkanun Persekutuan adalah merupakan pelaburan, wang tunai dan simpanan tetap. Pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pula terdiri daripada pelaburan ekuiti, pasaran wang, hartanah, bon, Sekuriti Kerajaan Malaysia serta pemberian pinjaman. Berdasarkan analisis, pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2009 adalah berjumlah RM790.55 bilion atau 75% daripada jumlah keseluruhan aset. Ini menunjukkan peningkatan pelaburan sejumlah RM47.63 bilion atau 6.4% berbanding RM742.92 bilion pada tahun 2008. Carta berikut menunjukkan pelaburan mengikut kementerian:

CARTA 10
PERATUSAN PELABURAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN




3.1.6.6 Pada tahun 2009, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM744.13 bilion atau 94.1% daripada jumlah keseluruhan pelaburan Badan Berkanun Persekutuan. Di bawah Kementerian Kewangan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM348.05 bilion diikuti oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM332.47 bilion

3.1.6.7 Selain itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga menunjukkan peningkatan pelaburan yang tertinggi berjumlah RM25.06 bilion atau 7.8% menjadi RM348.05 bilion berbanding RM322.99 bilion pada tahun 2008. Peningkatan pelaburan turut diikuti oleh Bank Negara Malaysia sejumlah RM7.87 bilion atau 2.4% menjadi RM332.47 bilion berbanding RM324.60 bilion pada tahun 2008.

3.1.6.8 Komponen aset kedua tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah wang tunai dan simpanan tetap berjumlah RM102.64 bilion yang mewakili 9.7% daripada jumlah aset. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM14.76 bilion atau 16.8% berbanding RM87.88 bilion yang dimiliki pada tahun 2008. Kedudukan wang tunai dan simpanan tetap mengikut kementerian adalah seperti di carta berikut:

CARTA 11
PERATUSAN WANG TUNAI DAN SIMPANAN TETAP
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN



3.1.6.9 Berdasarkan carta 10, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memiliki wang tunai dan simpanan tetap yang tertinggi iaitu RM68.94 bilion atau 67.2%. Bank Negara Malaysia merupakan pemegang wang tunai dan simpanan tetap tertinggi berjumlah RM26.14 bilion diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM23.38 bilion.

3.1.6.10 Analisis antara kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mencatatkan peningkatan ketara berjumlah RM30.82 juta atau 278.7% menjadi RM41.88 juta berbanding RM11.06 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini juga diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan iaitu sejumlah RM61.99 juta atau 138.3% menjadi RM106.81 juta berbanding RM44.82 juta pada tahun 2008.


3.1.6.11 Bagaimanapun, analisis antara kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani mencatat penurunan yang ketara sejumlah RM1.14 bilion atau 37.5% menjadi RM1.90 bilion berbanding RM3.04 bilion pada tahun 2008. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia juga mencatat penurunan

sejumlah RM1.59 bilion atau 27.7% menjadi RM4.14 bilion berbanding RM5.73 bilion pada tahun 2008.

3.1.7 Analisis Liabiliti

3.1.7.1 Liabiliti semasa dan bukan semasa Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada komponen utama seperti pinjaman, overdraf, pemiutang, deposit dan pendahuluan. Pada tahun 2009, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah menunjukkan peningkatan sejumlah RM10.37 bilion atau 2.6% daripada RM399.93 bilion pada tahun 2008 menjadi RM410.30 bilion pada tahun 2009. Kedudukan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian adalah seperti di carta berikut:

CARTA 12
PERATUSAN LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN



3.1.7.2 Berdasarkan carta 12, Kementerian Kewangan mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM379.26 bilion atau 92.4% daripada jumlah keseluruhan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, Bank Negara Malaysia mencatatkan liabiliti tertinggi sejumlah RM314.89 bilion yang antaranya terdiri daripada deposit oleh bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar, deposit oleh Kerajaan Malaysia dan deposit lain.


3.1.7.3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu Lembaga Pelabuhan Kemaman telah mengalami peningkatan liabiliti yang ketara melebihi 100% iaitu sejumlah RM2.02 juta menjadi RM2.07 juta berbanding RM49,432 pada tahun 2008. Punca peningkatan liabiliti disebabkan oleh peningkatan dalam terimaan terdahulu, peruntukan dan deposit pada tahun 2009. Selain itu, Yayasan Tun Razak di bawah Kementerian Kewangan turut

menunjukkan peningkatan liabiliti melebihi 100% iaitu sejumlah RM64,094 menjadi RM69,592 berbanding RM5,498 pada tahun 2008. Peningkatan ini berikutan pertambahan pemiutang lain dan cagaran diterima pada tahun 2009.

3.1.7.4 Penurunan ketara jumlah liabiliti ditunjukkan oleh Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang DiPertua-Yang DiPertua Negeri (Biasiswa Raja-Raja) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mencatatkan penurunan sejumlah RM283,271 atau 92.9% menjadi RM21,523 berbanding RM304,794 pada tahun 2008. Ini disebabkan oleh Biasiswa Raja-Raja telah menyelesaikan tunggakan pelbagai pemiutang pada tahun 2009.

3.1.7.5 Berdasarkan analisis, pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM22.02 bilion iaitu 5.4% daripada jumlah liabiliti pada tahun 2009. Pinjaman ini telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM5.14 bilion atau 30.5% berbanding RM16.88 bilion pada tahun sebelumnya. Analisis menunjukkan 29 daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai pinjaman setakat 31 Disember 2009. Carta berikut menunjukkan pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian:

CARTA 13
PERATUSAN PINJAMAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN



3.1.7.6 Berdasarkan carta 13, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai pinjaman tertinggi berjumlah RM15.61 bilion atau 70.9%, diikuti oleh Kementerian Pengangkutan sejumlah RM2.68 bilion atau 12.2% dan Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM1.52 bilion atau 6.9%.

3.1.7.7 Pada tahun 2009, peningkatan pinjaman yang ketara ditunjukkan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang merupakan pinjaman baru yang diperoleh daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan disalurkan kepada syarikat subsidiarinya iaitu Felda Global Ventures Holdings Sdn. Berhad berjumlah RM1.50 bilion. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional juga memperoleh RM3 bilion pinjaman baru daripada CIMB Islamic Bank Berhad dan Amlslamic Bank Berhad bagi tujuan menyediakan pinjaman pendidikan kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

3.1.7.8 Selain itu, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menjelaskan semua pinjaman pada tahun 2009 berjumlah RM3.90 juta.

3.1.8 Analisis Tanggungan Luar Jangka

3.1.8.1 Setakat 31 Disember 2009, sebanyak 24 daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai tanggungan luar jangka berjumlah RM9.15 bilion dengan penurunan sejumlah RM288.77 juta atau 3.1% berbanding RM9.44 bilion pada tahun 2008. Bank Negara Malaysia mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi berjumlah RM6.71 bilion diikuti oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang berjumlah RM1.28 bilion dan Majlis Amanah Rakyat berjumlah RM405.57 juta.

3.1.8.2 Tanggungan luar jangka Bank Negara Malaysia merupakan kewajipan membayar sepenuhnya jumlah kuota Malaysia di Tabung Kewangan Antarabangsa berjumlah RM6.64 bilion dan bayaran terhadap bahagian yang belum matang berjumlah RM64.86 juta bagi 3,220 unit saham yang dipegang di *Bank For International Settlement*. Tanggungan luar jangka Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang disebabkan kegagalannya untuk melaksanakan penswastaan projek dan ganti rugi kepada pihak ketiga. Selain itu, tanggungan luar jangka Majlis Amanah Rakyat pula disebabkan tuntutan bekas penyewa dan peminjam berjumlah RM380.66 juta, tuntutan kontraktor kerana penamatan kontrak berjumlah RM24.71 juta dan ganti rugi serta denda berjumlah RM0.20 juta. Butiran lanjut mengenai 5 Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5
TANGGUNGAN LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

NAMA AGENSI	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Bank Negara Malaysia	6,944.98	6,705.15
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang	1,261.36	1,276.06
Majlis Amanah Rakyat	404.95	405.57
Bank Simpanan Nasional	405.41	318.40
Lembaga Pelabuhan Kelang	153.77	154.31
JUMLAH	9,170.47	8,859.49

3.2 PRESTASI PENGGUNAAN GERAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 2009, sebanyak 60 daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM6.82 bilion. Jumlah ini meningkat berbanding tahun 2008 yang mana 63 daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM6.54 bilion. Analisis prestasi penggunaan geran pembangunan dibuat terhadap Badan Berkanun Persekutuan di bawah 4 Kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah serta Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Analisis menunjukkan perkara berikut:

3.2.1 Kementerian Pengajian Tinggi

Geran pembangunan yang diberi kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi adalah untuk melaksana projek pembinaan kampus tetap universiti, menaik taraf bangunan, membaik pulih peralatan, membeli kelengkapan pendidikan, peralatan makmal, penyelidikan dan meningkatkan rangkaian komunikasi maklumat. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2009 berjumlah RM3.64 bilion berbanding tahun 2008 sejumlah RM1.37 bilion iaitu peningkatan berjumlah RM2.27 bilion atau melebihi 100%. Universiti Teknologi MARA merupakan penerima geran pembangunan tertinggi pada tahun 2009 iaitu berjumlah RM1.23 bilion berbanding RM793.71 juta pada tahun 2008. Penerimaan geran ini adalah khusus untuk pembangunan kampus, kemudahan peralatan pengajaran dan penyelidikan. Di samping itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia juga menerima geran pembangunan tambahan berjumlah RM356.70 juta pada tahun 2009 berbanding RM28.51 juta yang diterima pada tahun 2008. Baki geran pembangunan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada akhir tahun 2009 berjumlah RM13.93 bilion.

3.2.2 Jabatan Perdana Menteri

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah untuk pembangunan wilayah ekonomi pantai timur, utara dan selatan. Pada tahun 2009, hanya 5 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri menerima geran pembangunan iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM1.37 bilion iaitu pertambahan sejumlah RM0.95 bilion atau 226.2% berbanding RM0.42 bilion yang diterima pada tahun 2008. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar menerima geran tertinggi berjumlah RM0.62 bilion atau 45.3% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Geran yang diterima adalah untuk pembiayaan projek pembangunan wilayah selatan di Johor. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah berjumlah RM0.87 bilion berbanding RM0.51 bilion pada tahun 2008. Ini adalah kerana terdapat pertambahan geran pembangunan bagi tahun semasa dan masih ada projek yang belum diselesaikan sepenuhnya serta dalam proses pelaksanaan awal.

3.2.3 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah ialah antaranya memajukan masyarakat luar bandar dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha pembangunan manusia dan ekonomi dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup. Selain itu, program tersebut juga meliputi pembangunan industri, perumahan dan kemudahan infrastruktur. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah pada tahun 2009 berjumlah RM795.35 juta berbanding RM671.16 juta pada tahun sebelumnya. MARA menerima geran tertinggi berjumlah RM703.75 juta atau 88.5% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Geran ini diterima bagi melaksanakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan antaranya pembinaan rumah kedai, pembinaan bangunan Maktab Rendah Sains MARA dan naik taraf imej premis. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini berjumlah RM9.06 bilion pada akhir tahun 2009 belum dibelanjakan sepenuhnya disebabkan projek yang dirancang di bawah program pembangunan belum selesai dilaksanakan.

3.2.4 Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani adalah menaik taraf kemudahan pertanian, membangunkan kemudahan penyelidikan, membaik pulih peralatan dan pembangunan projek khas. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani pada tahun 2009 berjumlah RM308.75 juta berbanding RM250.24 juta pada tahun sebelumnya. Badan Berkanun Persekutuan yang menerima geran tertinggi adalah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia berjumlah RM110.17 juta. Geran ini diterima untuk membiayai aktiviti pembangunan infrastruktur seperti penambahbaikan kompleks perikanan, pembinaan jeti dan pemberian khusus dana bagi membantu nelayan terutamanya menggalakkan sektor perikanan secara komersial. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini berjumlah RM693.51 juta pada akhir tahun 2009 belum dibelanjakan sepenuhnya disebabkan projek yang dirancang di bawah program pembangunan belum selesai dilaksanakan.

3.3 PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI

3.3.1 Pada tahun 2009, secara keseluruhannya sebanyak 43 Badan Berkanun Persekutuan telah melabur dalam 133 syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti melebihi 51% berbanding 129 syarikat subsidiari pada tahun 2008. Sebanyak 71 daripada 133 syarikat subsidiari telah mencatat keuntungan berjumlah RM1.42 bilion pada tahun 2009. Keuntungan syarikat subsidiari ini telah menurun sejumlah RM474.24 juta atau 25% berbanding RM1.90 bilion pada tahun 2008 manakala 45 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian berjumlah RM93.91 juta pada tahun 2009 berbanding kerugian pada tahun 2008 berjumlah RM143.44 juta bagi 51 syarikat subsidiari. Kedudukan syarikat subsidiari yang mengalami keuntungan dan kerugian pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN SYARIKAT SUBSIDIARI

TAHUN	KEUNTUNGAN		KERUGIAN	
	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)
2008	62	1,897.48	51	143.44
2009	71	1,423.24	45	93.91

3.3.2 Berdasarkan analisis terhadap 133 syarikat subsidiari pada tahun 2009, sebanyak 108 syarikat subsidiari masih beroperasi, 13 baru ditubuhkan, 4 telah berhenti operasi dan 8 tidak aktif.

3.4 RUMUSAN

3.4.1 Pada tahun 2009, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan secara keseluruhannya telah meningkat. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM67.73 bilion telah meningkat sejumlah RM7.64 bilion atau 12.7% berbanding RM60.09 bilion pada tahun 2008. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM52.45 bilion atau 77.4% berbanding geran mengurus sejumlah RM15.28 bilion atau 22.6%. Begitu juga aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM81.80 bilion atau 8.4% menjadi RM1,053.98 bilion berbanding RM972.18 bilion pada tahun 2008. Bagaimanapun, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat sejumlah RM10.37 bilion atau 2.6% daripada RM399.93 bilion pada tahun 2008 menjadi RM410.30 bilion pada tahun 2009.

3.4.2 Bagi prestasi penggunaan geran pembangunan di bawah 4 Kementerian, analisis mendapati Kementerian Pengajian Tinggi masih menerima geran tertinggi melalui Universiti Teknologi MARA berjumlah RM1.23 bilion berbanding RM793.71 juta pada tahun 2008. Pada 31 Disember 2009, baki kumpulan wang pembangunan bagi Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah serta Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani adalah berjumlah RM24.55 bilion. Baki kumpulan wang pembangunan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh aset yang dibeli masih belum dilunaskan sepenuhnya mengikut jangka hayat aset berkenaan dan projek pembangunan yang belum selesai atau belum dimulakan.

3.4.3 Di samping itu, prestasi syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah kurang memberangsangkan berbanding tahun sebelumnya dengan keuntungan menurun sejumlah RM474.30 juta menjadi RM1.42 bilion pada tahun 2009. Bagaimanapun, syarikat subsidiari yang mengalami kerugian telah menunjukkan peningkatan prestasi kewangan yang ketara dengan kerugian berjumlah RM93.91 juta pada tahun 2009 berbanding kerugian sejumlah RM143.44 juta pada tahun 2008.

PENUTUP

Pada keseluruhannya, hampir semua Badan Berkanun Persekutuan dapat mengemukakan penyata kewangan tahun 2009 untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun 2010 seperti yang ditetapkan dalam Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) kecuali Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang. Semua Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 yang memerlukan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan *Financial Reporting Standards* (FRS) dan *Private Entity Reporting Standards* (PERS) berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam pekeling berkenaan.

Prestasi penyediaan penyata kewangan tahun 2009 oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah sangat baik. Kesemua 127 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2009 yang diaudit telah diberi Sijil Tanpa Teguran. Prestasi yang memberangsangkan ini adalah hasil daripada komitmen pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan serta sentiasa berusaha memastikan pematuhan kepada piawaian perakaunan yang ditetapkan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

13 Oktober 2010

SENARAI KEMENTERIAN, BADAN BERKANUN DAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN

A JABATAN PERDANA MENTERI

- 1 LEMBAGA TABUNG HAJI (**LTH**)
- 2 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (**MAIWP**)
- 3 KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA
DAN YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA NEGERI (**BIASISWA RAJA-RAJA**)
- 4 LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (**FELDA**)
- 5 SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (**SUHAKAM**)
- 6 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (**PERDA**)
- 7 PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (**IRDA**)
- 8 PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (**NCIA**)
- 9 MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (**ECER**)

B KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 10 LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (**LTAT**)
- 11 PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (**PERNAMA**)
- 12 PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (**PPHM**)
- 13 PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (**PERHEBAT**)

C KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- 14 PERBADANAN ASET KERETAPI (**PAK**)
- 15 LEMBAGA PELABUHAN KELANG (**LPK**)

16	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (SPPP)
17	LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (LPKUANTAN)
18	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LP JOHOR)
19	LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (LP BINTULU)
20	LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN (LP KEMAMAN)
21	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR TANJONG PELEPAS (LPJOHOR-TG. PELEPAS)
22	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA (SPPP - TELUK EWA)
23	LEMBAGA PELABUHAN MELAKA (LPM)
24	INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS)
D	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
25	LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERUSAHAAN TIMAH (TIMAH)
26	LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA (JURUKUR)
27	INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
E	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
28	LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)
29	LEMBAGA WAKAF HINDU PULAU PINANG (WAKAF HINDU)
F	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
30	PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
31	LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA)
32	PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)
33	PERBADANAN PERUSAHAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORPORATION)

G KEMENTERIAN KEWANGAN

- 34 BANK NEGARA MALAYSIA **(BNM)**
- 35 KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA **(KWSP)**
- 36 BANK SIMPANAN NASIONAL **(BSN)**
- 37 LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA **(LTM)**
- 38 YAYASAN TUN RAZAK **(YTR)**
- 39 LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI **(LADA)**
- 40 INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA **(MIA)**
- 41 LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN **(LABUAN FSA)**
- 42 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA **(LHDNM)**
- 43 PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA **(PIDM)**
- 44 KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) **(KWAP)**
- 45 BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD **(BANK RAKYAT)**

H KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

- 46 PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA **(BERNAMA)**
- 47 LEMBAGA AMANAH BALAI SENI LUKIS NEGARA **(SENI LUKIS)**
- 48 PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA **(FINAS)**
- 49 PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA **(KRAFTANGAN)**
- 50 AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN **(ASWARA)**

I KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

- 51 PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (**PERKESO**)
- 52 PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (**PTPK**)

J KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

- 53 LEMBAGA GETAH MALAYSIA (**LGM**)
- 54 LGM PROPERTIES CORPORATION (**LGMPC**)
- 55 RRIM CONSULT CORPORATION (**RRIM CORP**)
- 56 LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (**MPOB**)
- 57 LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (**LTN**)
- 58 LEMBAGA KOKO MALAYSIA (**KOKO**)
- 59 LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (**MTIB**)
- 60 LEMBAGA LADA MALAYSIA (**MPB**)

K KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- 61 LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (**LKIM**)
- 62 LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (**LPP**)
- 63 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (**FAMA**)
- 64 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (**MADA**)
- 65 YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN
PERTUBUHAN PELADANG MADA (**YP MADA**)
- 66 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (**KADA**)
- 67 INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (**MARDI**)
- 68 LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (**LPNM**)

L KEMENTERIAN KERJA RAYA

- 69 LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (**LLM**)
- 70 LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (**CIDB**)

M KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

- 71 MAJLIS SUKAN NEGARA (**MSN**)
- 72 PERBADANAN STADIUM MERDEKA (**PSM**)
- 73 PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

N KEMENTERIAN PELANCONGAN

- 74 LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (**LPPM**)

O KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- 75 YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (**YTAR**)
- 76 PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (**PTPTN**)
- 77 AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (**MQA**)
- 78 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (**UiTM**)
- 79 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (**UKM**)
- 80 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (**UTM**)
- 81 UNIVERSITI MALAYA (**UM**)
- 82 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (**USM**)
- 83 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (**UPM**)
- 84 PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (**PPUM**)
- 85 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (**UUM**)

- 86 UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (**UNIMAS**)
- 87 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (**UMS**)
- 88 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (**UPSI**)
- 89 UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (**USIM**)
- 90 UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (**UTHM**)
- 91 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (**UTeM**)
- 92 UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (**UMT**)
- 93 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (**UMP**)
- 94 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (**UniMAP**)
- 95 UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (**UNiZA**)
- 96 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (**UMK**)
- 97 UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (**UPNM**)

P KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

- 98 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (**DBP**)
- 99 KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (**KWSG**)
- 100 MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (**MPM**)

Q KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- 101 PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (**RISDA**)
- 102 LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (**KETENGAH**)
- 103 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (**KEDA**)
- 104 LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (**KEJORA**)

105 LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN **(KESEDAR)**

106 MAJLIS AMANAH RAKYAT **(MARA)**

107 YAYASAN PELAJARAN MARA **(YPM)**

R KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

108 SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA **(SSM)**

109 PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA **(PHIM)**

110 MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA **(MKM)**

111 SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA **(SKM)**

S KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

112 PERBADANAN PUTRAJAYA

113 PERBADANAN LABUAN

T KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

114 AKADEMI SAINS MALAYSIA **(ASM)**

U KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

115 PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM **(PPSPPA)**

V KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

116 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA **(SPAN)**

W KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

117 LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA **(LPKM)**

KUMPULAN WANG

- 1 YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (**YPEIM**)
- 2 KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (**KWAN**)
- 3 AKAUN KEBAJIKAN KAKITANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (**SWA**)
- 4 TABUNG PENCEN LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA DAN BRITISH BORNEO (**TPLM**)
- 5 KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN SEBERANG PRAI (**JUBLI PERAK**)
- 6 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS AM - AWAM (**KWSJIA**)
- 7 AKAUN DEPOSIT INSURANS (**ADI**)
- 8 KUMPULAN WANG AMANAH PENYUSUNAN SEMULA INDUSTRI (**IAF**)
- 9 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS HAYAT (**KWSJIH**)
- 10 KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SABAH (**BALU SABAH**)
- 11 KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SARAWAK (**BALU SARAWAK**)
- 12 MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (**MSWP**)